

Headline **KWSP perluas penyakit kritikal**
Date **15 Jul 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **70**
Article Size **85 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,255**
PRValue **3,765**



KWSP perluas penyakit kritikal

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menambah senarai penyakit kritikal di bawah Pengeluaran Kesihatan daripada 39 kepada 55 penyakit, berkuat kuasa hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Azlan Zainol berkata, KWSP mengambil inisiatif memperluaskan senarai penyakit kritikal bagi membantu mengurangkan beban kewangan anggota dalam mendapatkan rawatan yang diperlukan segera.

“Faedah pengeluaran kesihatan yang dikaji semula ini meliputi tambahan 16 penyakit termasuk penyakit pulmonari obstruktif kronik teruk (COPD), fibrosis paru-paru, penyakit radang usus kronik, sklerosis sistemik dengan hi-

pertensi pulmonari, Aids dan tiga jenis penyakit mental yang jika tidak dirawat, memudaratkan pesakit,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Kali terakhir KWSP memperluas senarai itu pada 15 Jun 2010 iaitu daripada 13 ke 39 penyakit.

Azlan berkata, pengeluaran pembelian bantuan kesihatan dibenarkan bagi pesakit kanser, kardiovaskular, sistem respiratori, sistem saraf, sistem muskuloskeletal dan telinga.

Beliau berkata bagaimanapun, rawatan kesuburan dan alternatif tidak layak melakukan di bawah skim pengeluaran kesihatan.

“Ia juga tidak layak jika kos rawatan perubatan dibiayai sepenuhnya majikan anggota atau majikan keluarga anggota,” katanya.